



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
RABU 13 OKTOBER 2021**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3.	MAFI KOMITED PERKASA SEKURITI MAKANAN, BERNAMA -ONLINE TUBUH PASUKAN PAKAR KHAS KHUSUS SEKURITI MAKANAN NEGARA, MALAYSIA GAZETTE -ONLINE 7 CABARAN UTAMA SEKURITI MAKANAN PERLU DIBERI KEUTAMAAN:MAFI, SH - ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
4. 5. 6. 7. 8. 9.	KERANG-KERANGAN DARI SUNGAI GETING DICEMARI TOKSIN SARAF, SH -ONLINE PANTAI BERSIH FAKTOR PENYU MENDARAT, BERTELUR, COVID-19, HM -8 DEPT WARNS AGAINST EATING MOLLUSCS FROM SG GETING, NEWS, NST -11 TURTLE PROTECTION INITIATIVE IN PD, NEWS WITHOUT BORDERS, THE SUN -4 BEACH RESORT HELPS KEEP ENDANGERED TURTLES ALIVE, NATION, THE STAR -5 SAMPAH PENGUNJUNG ANCAM PENYU, NEGARA, KOSMO -17	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
10. 11. 12. 13.	MARDI LAUNCHES FOUR NEW PRODUCTS, BERNAMA -ONLINE SAYUR HIDROPONIK JANA PULANGAN, DALAM NEGERI, UM -33 MARDI PERLU TUBUH PASUKAN PAKAR KHAS, NASIONAL, BH -6 PKP BERI KESAN INDUSTRI AGROMAKANAN, NASIONAL, SH -13	INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI)
14.	RM300 JUTA BINA SUNGAI TIRUAN DI KEMAMAN, NEGERI TERENGGANU, SH -26	LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)
15. 16. 17. 18. 19.	PENTERNAK BABI DIARAH BINA PARIT DALAM DUA MINGGU, NEGARA, KOSMO -17 PERTANIAN PINTAR AMBIL MASA, SH -ONLINE NILAI EKSPORT DURIAN BERKEMBANG SEBANYAK RM74.8 JUTA SEJAK 2016, BISNES, SH -30 KEISTIMEWAAN MADU KELULUT INAP DESA PACHITAN, GAYA TANI, UM -26 RASA MADU DIPENGARUHI JENIS MAKANAN, GAYA TANI, UM -27	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
13/10/2021	BERNAMA	ONLINE	

MAFI komited perkasa sekuriti makanan negara



Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Dr Ronald Kiandee (tengah) melihat produk hasil penyelidikan dan inovasi MARDI selepas merasmikan Hari inovasi MARDI (HIM) 2021 di ibu pejabat MARDI hari ini. Turut sama Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Makanan Datuk Haslina Abdul Hamid (kiri) dan Ketua Pengarah MARDI Datuk Dr Mohamad Zabawi Abdul Ghani (kanan). HIM merupakan acara tahunan yang telah diadakan sejak 2011, kali ini sambutan HIM berlangsung secara hibrid pada 12 hingga 14 Oktober dengan tema 'Breakthrough Innovations: Facing Challenges Together'.

SERDANG, 12 Okt -- Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) serta agensinya termasuk Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) komited memperkasakan penyelidikan berkaitan sekuriti makanan negara supaya kekal terjamin dalam apa jua keadaan.

Menterinya Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata MARDI, selaku agensi penyelidik utama di bawah MAFI, berperanan menjalankan pelbagai penyelidikan berhubung sekuriti makanan termasuk aspek sosioekonomi golongan sasaran.

Bercakap kepada pemberita selepas merasmikan Hari Inovasi MARDI (HIM) 2021 di sini hari ini, beliau mencadangkan agar MARDI menubuhkan unit pakar untuk memberi tumpuan aspek sekuriti makanan negara dalam penyelidikan mereka.

"Pengukuhan sekuriti makanan negara sememangnya satu proses yang berterusan dan dinamik. Selepas pengalaman dua tahun berhadapan pandemik (COVID-19) dan gangguan dari segi import makanan dari luar, kerajaan harus lebih menumpukan aspek sekuriti makanan negara," katanya.

Bagi menangani cabaran sekuriti makanan negara, inovasi bukan sahaja dapat menyelesaikan masalah semasa, malah berpotensi membuka ruang dan peluang baharu untuk dimanfaatkan industri agromakanan, katanya.

Ronald berkata antara cabaran utama sekuriti makanan negara yang perlu diberikan keutamaan dan perhatian pada masa ini adalah peningkatan penduduk dan permintaan makanan, peningkatan kos sara hidup dan harga makanan, serta kekurangan khasiat makanan dan malnutrisi berganda.

Cabaran lain adalah tahap produktiviti yang rendah, intensif buruh dan populasi petani berusia, pelaburan swasta penyelidikan dan pembangunan yang masih rendah, tahap adaptasi teknologi dan mekanisasi yang rendah, serta perubahan iklim serta kemampunan sumber semula jadi, katanya.

Ronald berkata MAFI telah merangka Pelan Tindakan Dasar Sekuriti Makanan Negara 2021-2025 (Pelan Tindakan DSMN) bagi meningkatkan daya tahan sistem makanan agar kekal utuh dalam menghadapi sebarang tekanan.

MARDI, katanya mempunyai peranan yang sangat penting dalam pelaksanaan Pelan Tindakan DSMN antaranya berkaitan meningkatkan intensiti penyelidikan, pembangunan dan pengkomersilan bagi meningkatkan produktiviti agromakanan.

"MAFI mengharapkan teknologi dan inovasi yang dihasilkan MARDI dapat dipindahkan kepada golongan sasaran mengikut keperluan dan kesesuaian di sepanjang rantai nilai sekuriti makanan," katanya.

Turut hadir pada HIM 2021 itu ialah Ketua Setiausaha MAFI Datuk Haslina Abdul Hamid dan Ketua Pengarah MARDI Datuk Dr Mohamad Zabawi Abdul Ghani.

-- BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
13/10/2021	MALAYSIA GAZETTE	ONLINE	

Tubuh pasukan pakar khas khusus sekuriti makanan negara



Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee berucap pada Perasmian Hari Inovasi MARDI 2021 di Ibu Pejabat MARDI, Serdang, Selangor. Foto AFFAN FAUZI, 12 OKTOBER 2021.

SERDANG – Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (Mardi) disaran menubuhkan pasukan pakar khas bagi memperkasakan agenda penyelidikan sekuriti makanan negara.

Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata, pihaknya komited untuk terus memperkukuhkan sekuriti makanan negara supaya bekalan makanan kekal terjamin dalam apa jua keadaan.

Katanya, penularan pandemik Covid-19 dan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dalam tempoh dua tahun telah memberi kesan kepada sektor agro makanan apabila kelancaran rantai makanan terganggu.

“Kita harus menumpukan kajian dan pembangunan ini secara lebih ke hadapan untuk menentukan aspek sekuriti makanan negara itu menemui penemuan dan juga penyelidikan diperkasakan.

“Justeru, saya mencadangkan agar Mardi melihat dengan menubuhkan pakar untuk terus menumpukan aspek sekuriti makanan negara dalam penyelidikan mereka walaupun secara perse (berterusan),” katanya pada pemberita selepas melancarkan Majlis Pelancaran Hari Inovasi Mardi 2021 di Serdang hari ini.



Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee (tengah) bergambar bersama penjana teknologi pada Perasmian Hari Inovasi MARDI 2021 di Ibu Pejabat MARDI, Serdang, Selangor. Foto AFFAN FAUZI, 12 OKTOBER 2021./

Tambah Ronald, inovasi memainkan peranan penting dalam menentukan pengubah permainan bagi menghadapi cabaran mendatang..

Ia bukan sahaja menyelesaikan masalah semasa, malah berpotensi untuk membuka ruang dan peluang baharu yang dapat dimanfaatkan oleh industri agro makanan, ujarnya.

Dalam pada itu, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan telah merangkumkan tujuh cabaran utama sekuriti makanan negara yang perlu diberikan keutamaan pada masa ini.

Antaranya, peningkatan penduduk dan permintaan makanan, peningkatan kos sara hidup dan harga makanan, kekurangan khasiat makanan dan malnutrisi berganda, tahap produktiviti yang rendah serta intensif buruh dan populasi petani berusia.

Pelaburan swasta dan penyelidikan dan pembangunan (R&D) yang masih rendah, tahap adaptasi teknologi dan mekanisasi yang rendah dan perubahan iklim serta kemampanan sumber semula jadi.
– MalaysiaGazette

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
13/10/2021	SINAR HARIAN	ONLINE	

7 cabaran utama sekuriti makanan perlu diberi keutamaan: MAFI



Ronald (kanan) dan Haslina memaparkan produk hasil penyelidikan MARDI pada majlis perasmian Hari Inovasi MARDI di Serdang pada Selasa.

SHAH ALAM - Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) merangkumkan tujuh cabaran utama sekuriti makanan negara yang perlu diberikan keutamaan pada masa kini.

Menterinya, Datuk Seri Dr Ronald Kiang berkata, penularan pandemik Covid-19 dan pelaksanaan Perintah kawalan Pergerakan (PKP) telah memberi kesan kepada agromakanan negara secara langsung dan tidak langsung.

Beliau berkata, ia sehingga mengganggu kelancaran rantai makanan seperti pengeluaran, pengedaran, pemasaran dan peruncitan produk hasil pertanian dan industri makanan.



Ronald merasmikan Hari Inovasi MARDI 2021 di Serdang pada Selasa.

“Antara yang perlu diberi keutamaan ialah peningkatan penduduk dan permintaan makanan; peningkatan kos sara hidup dan harga makanan; kekurangan khasiat makanan dan malnutrisi berganda dan tahap produktiviti yang rendah, intensif buruh dan populasi petani berusia.

“Selain itu, pelaburan swasta serta pembangunan dan penyelidikan (R&D) yang masih rendah; tahap adaptasi teknologi dan mekanisasi yang rendah; dan perubahan iklim serta kemampunan sumber semula jadi,” katanya pada majlis perasmian Hari Inovasi Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) 2021 di Serdang pada Selasa.

Majlis turut dihadiri Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Makanan yang juga Pengerusi Lembaga Pengelola MARDI, Datuk Haslina Abdul Hamid dan Ketua Pengarah MARDI, Datuk Dr Mohamad Zabawi Abdul Ghani.

Hari Inovasi MARDI 2021 bermula Selasa sehingga Khamis ini.



Empat produk hasil penyelidikan MARDI iaitu minuman berasaskan terung asam kaya dengan asid hidroksisinamik, krim anti radang (CleoSafe) berasaskan sayuran mami, ais krim kelapa kurang kalori, dan kelapa muda berkarbonat.

Sementara itu, Ronald berkata, MAFI telah merangka Pelan Tindakan Dasar Sekuriti Makanan Negara 2021-2025 (Pelan Tindakan DSMN) bagi

meningkatkan daya tahan sistem makanan agar kekal utuh dalam menghadapi sebarang tekanan.

“Di antara strategi yang dirangka di dalam pelan tersebut ialah bagi meningkatkan intensiti penyelidikan, pembangunan dan pengkomersilan (R&D&C) bagi meningkatkan produktiviti agromakanan dengan keutamaan diberikan terhadap pembangunan input pertanian seperti makanan ternakan serta baka dan benih tempatan yang berkualiti tinggi,” ujarnya.

Pada masa sama, beliau berkata, inovasi produk makanan alternatif dan teknologi pertanian yang bertoleransi terhadap perubahan iklim turut diberi penekanan.

Menurutnya, MAFI juga mengharapkan teknologi dan inovasi yang dihasilkan MARDI dapat dipindahkan kepada golongan sasaran mengikut keperluan dan kesesuaian di sepanjang rangkaian nilai sekuriti makanan.

“Kaedah pragmatik seperti sistem pengeluaran lestari dan berkos efektif boleh dijadikan matlamat penting dalam membangunkan model output sesebuah aktiviti R&D&C,” katanya.

Ronald berkata, sempena dengan Hari Inovasi MARDI 2021, empat produk hasil penyelidikan MARDI dilancarkan iaitu minuman berasaskan terung asam kaya dengan asid hidroksisinamik, krim anti radang (CleoSafe) berasaskan sayuran mami, ais krim kelapa kurang kalori, dan kelapa muda berkarbonat.

Dari kiri: Haslina, Ronald, Mohamad Zabawi pada pelancaran produk hasil penyelidikan MARDI pada Selasa.



dan ahli pasukannya,” ujarnya.

“Saya juga amat yakin bahawa keempat-empat produk yang dilancarkan pada hari ini akan mendapat sambutan menggalakkan daripada golongan sasar.

“Ini adalah salah satu kejayaan inovasi hasil penyelidikan MARDI yang ditonjolkan melalui Hari Inovasi MARDI 2021 dan kini bersedia untuk diperkenalkan kepada umum.

“Tahniah saya ucapkan kepada semua penjana teknologi

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
13/10/2021	SINAR HARIAN	ONLINE	

Kerang-kerangan dari Sungai Geting dicemari toksin saraf



Orang ramai dilarang memungut, menjual atau memakan spesies kerang-kerangan seperti tiram, lokan, kepah dan lala di perairan Sungai Geting, Tumpat kerana dicemari toksin saraf atau saxitoxin. -

KOTA BHARU - Orang ramai dilarang memungut, menjual atau memakan spesies kerang-kerangan seperti tiram, lokan, kepah dan lala di perairan Sungai Geting, Tumpat kerana dicemari toksin

saraf atau saxitoxin daripada alga berbahaya iaitu alexandrium minutum.

Pengarah Perikanan Kelantan, Nazri Ishak berkata, larangan itu berkuat kuasa serta-merta berikutan keputusan analisis makmal Biosekuriti Perikanan mendapati kerang-kerangan tersebut telah tercemar dengan bahan toksin itu.

“Akibat daripada memakan kerang-kerangan itu boleh menyebabkan keracunan, berbahaya dan memudaratkan kesihatan.

“Sebarang maklumat lanjut boleh berhubung dengan Pejabat Perikanan Negeri Kelantan di talian 09-7414 770 atau Pejabat Perikanan Daerah Tumpat, 09-7257 995,” katanya.

Saxitoxin adalah neurotoksin yang kuat dan toksin kerang lumpuh yang paling terkenal.

Pengambilan saxitoxin oleh manusia, biasanya dengan pengambilan kerang-kerangan yang tercemar oleh alga toksik, bertanggungjawab atas penyakit yang dikenali sebagai keracunan kerang lumpuh.

Pantai bersih faktor penyu mendarat, bertelur

Port Dickson: "Saya bimbang penyu enggan mendarat dan bertelur di sini susulan kebenaran merentas negeri. Ia boleh berlaku jika pengunjung tidak menjaga kebersihan pantai serta mengganggu hidupan terancam itu," ujar penyelia sambutan di pusat pemuliharaan dan penetasan penyu di sebuah pusat peranginan di sini, Hishamudin Abdul Manap.

Menurutnya, kesedaran masyarakat setempat dan pengunjung penting dalam memastikan usaha pemuliharaan penyu jenis karah (*hawksbill turtle*) dan penyu agar (*green turtle*) terus dilindungi daripada ancaman kepupusan.

"Orang ramai dinasihatkan menjaga kebersihan pantai serta tidak membuang sampah merata-rata yang akan menjadi ancaman

kepada hidupan reptilia itu," katanya.

Berpengalaman lebih 13 tahun sebagai renjer mengutip telur penyu dan penjagaan haiwan itu di Tanjung Gemok di sini, Hishamudin mengambil inisiatif memberi kesedaran kepada masyarakat menerusi program penanaman telur penyu serta cara penjagaan spesies itu.

“800 telur penyu setahun dapat diselamatkan sebelum wabak Covid-19”
Hishamudin

"Kira-kira 800 telur penyu setahun dapat diselamatkan sebelum wabak Covid-19 melanda negara ini bagi memastikan kesinambungan kehidupan haiwan reptilia itu.

"Akibat kekangan Covid-19, untuk tahun ini saya dapat mencari 48 telur penyu karah, ia susulan orang awam menjumpai 46 ekor anak penyu spesies yang sama masih hidup di sini," katanya selepas proses pena-

naman telur penyu karah di Glory Beach Resort di sini.

Katanya, orang awam yang menemukan anak penyu di pantai tersebut digalakkan menelefon Jabatan Perikanan Negeri Sembilan (JPNS) supaya haiwan itu dapat diberi perlindungan terlebih dahulu sebelum dilepaskan ke pantai.

Hishamudin, 50, berkata, sikap orang awam yang melindungi haiwan berkenaan terpuji, namun diingatkan pelepasan anak penyu mempunyai masa tertentu dan sebaiknya dilepaskan sekitar jam 8 malam hingga 12 tengah malam bagi mengelakkan haiwan itu dimakan oleh pemangsa seperti burung gagak, helang dan biawak pada waktu siang.

Ketika sesi penanam telur penyu itu, pengunjung diberi penerangan mengenai teknik menanam telur berkenaan, cara mengenal pasti jenis telur penyu dan tempoh penetasan anak penyu. - Bernama



HISHAMUDIN (kanan) memberi penerangan kepada pengunjung mengenai proses penjagaan dan penanaman telur penyu karah di Glory Beach Resort.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
13/10/2021	NST	NEWS	11

Dept warns against eating molluscs from Sg Geting

TUMPAT: The Kelantan Fisheries Department has imposed an immediate ban on eating molluscs from Sungai Geting due to a suspected red tide or harmful algal bloom. Department director Nazri Ishak said in a statement that the sale and harvest of molluscs, such as oysters and clams, are included in the ban. "An analysis by the Fisheries Biosecurity Lab showed that molluscs from the area were contaminated with saxitoxin from harmful the alga *Alexandrium minutum*. If consumed, the contaminated molluscs can cause poisoning and pose a threat to human health." Nazri said red tides commonly occur in Sungai Geting due to hot weather and other factors. "We will do weekly testing until they are safe to eat. As a preventative measure, the harvesting of molluscs is prohibited until the investigation is over." **Bernama**

Turtle protection initiative in PD

PORT DICKSON: Raising public awareness on the importance of protecting hawksbill and green turtles is crucial to ensure that the two endangered species do not go extinct.

As visitors are expected to throng Port Dickson this weekend following the government's decision to lift the interstate travel ban, it is important for the public to keep the beach clean and stop littering as plastic waste can pose a threat to marine life.

Hishamudin Abdul Manap, who is a part-time supervisor at a turtle conservation and hatchery centre, said the centre was previously able to collect about 800 turtle eggs a year.

"This year, I only managed to find 48 turtle eggs, and 46 baby hawksbill turtles were rescued by members of the public recently," he said after securing hawksbill turtle eggs in the sand for incubation at Glory Beach Resort.

Hishamudin urged the public to

immediately report any turtle findings to the Negeri Sembilan Fisheries Department for further action.

He said it would be best if baby turtles are released into the sea at night between 8pm and midnight to prevent the animals from being eaten by predators such as crows, eagles and monitor lizards.

During a briefing session at the resort, visitors were shown the correct technique of burying turtle eggs in the sand, how to identify the type of turtle eggs and told about the incubation period.

"A 25 year old female turtle will lay about 100 eggs, four times a year (per season) and the eggs incubate for 55 to 60 days before hatching," he said.

Visitors to Glory Beach Resort will also have a chance to meet three green turtles at the hatchery centre - Remy Ishak, Aaron Aziz and Maya Karin, aged five, four and three respectively. - Bernama



Hishamudin briefing visitors on turtle conservation procedures. - BERNAMAPIX

Beach resort helps keep endangered turtles alive



The right method: Hishamudin (right) briefing visitors on the process of burying hawksbill turtle eggs (inset) in the sand to incubate them, at Glory Beach Resort. — Bernama

PORT DICKSON: As visitors are expected to throng Port Dickson this weekend following the government's decision to lift the interstate travel ban, it is important for the public to always keep the beach clean and not litter because plastic waste can pose a threat to hawksbill and green turtles.

Raising public awareness on the importance of conserving and protecting these endangered species is crucial to ensure the two do not go extinct.

Hishamudin Abdul Manap, part-time supervisor at a turtle conservation and hatchery centre here, said prior to the Covid-19 pandemic, they were able to save about 800 turtle eggs a year.

"This year, I managed to find 48 eggs after 46 baby hawksbill turtles were rescued by members of the public recently," he said after a session burying hawksbill turtle eggs in the sand to incubate them, at Glory Beach Resort.

Hishamudin reminded the public to immediately report any turtle findings to the Negri Sembilan Fisheries Department for further action.

He said this was because it would be best if baby turtles were released into the sea at night between 8pm and midnight to prevent

them from being eaten by predators such as crows, eagles and monitor lizards.

During the session, visitors were given an explanation on the right technique to bury turtle eggs in the sand, how to identify the type of turtle eggs, and the hatching period.

Hishamudin said a 25-year-old turtle would lay about 100 eggs four times a year (per season) and the eggs would incubate for 55 to 60 days before hatching.

Visitors at Glory Beach Resort will also have a chance to meet 'Remy Ishak', 'Aaron Aziz' and 'Maya Karin' — aged five, four and three, respectively — the three green turtles at the hatchery centre.

Meanwhile, the Negri Sembilan Fisheries Department in a post on its official Facebook page said the turtle management and conservation cooperation with Glory Beach Resort was established in 2013.

It has given its conditional permission to the resort management to carry out turtle conservation including exhibitions, ownership of live turtles and turtle egg hatcheries.

The setting up of the hatchery centre can also help create public awareness on the importance of conserving these endangered reptiles. — Bernama

Orang ramai yang berkunjung ke Port Dickson perlu jaga kebersihan pantai

Sampah pengunjung ancam penyu

Oleh ZAKKINA WATI
AHMAD TARMIZI

PORT DICKSON – Kebenaran merentas negeri yang bermula kelmarin dijangka menyebabkan pantai peranginan di Port Dickson akan kembali menjadi tumpuan pelancong.

Bagaimanapun, orang ramai yang mengunjungi pantai-pantai, di sini dinasihatkan supaya bersama-sama menjaga kebersihan pantai dan tidak membuang sampah merata-rata.

Penyelia sambilan, pusat pemuliharaan dan penetasan penyu, Hishamudin Abdul Manap berkata, kesedaran dan kerjasama orang ramai itu penting dalam usaha pemuliharaan penyu jenis karah dan agar dapat diteruskan di daerah ini.

"Disebabkan ketika ini rentas negeri telah dibuka, memang kami agak khuatir pengunjung akan mula ramai di sekitar pantai, mereka berkelah dan mandi-manda.

"Jadi harapan saya agar mereka dapat sentiasa menjaga kebersihan pantai dan jangan buang sampah merata-rata bagi mengelakkan penyu mati termakan plastik atau sampah," katanya.

Dia berkata demikian selepas Program Penanaman Telur Penyu di Pusat Penetasan Telur Penyu, Glory Beach Resort, di sini kelmarin.

Dalam pada itu, tambah Hishamudin, pengunjung pantai yang terlihat dan terjumpa telur penyu perlu menghubungi pihaknya atau Jabatan Perikanan dengan segera.

"Sekiranya mana-mana pengunjung yang melihat telur penyu mereka perlu menghubungi kami dengan segera.

"Jangan memegang atau mengambil telur tanpa kebenaran kerana boleh dikenakan denda dan penjara akibat perbuatan itu," katanya.

Sementara itu, katanya, program penanaman telur penyu tersebut yang mendapat ker-

jasama Jabatan Perikanan perlu bagi memastikan penyu dapat menetas dan mengelakkan ancaman manusia atau haiwan lain.

"Hari ini, sebanyak 48 biji telur ditanam dan dalam masa tiga hari lagi kebanyakan telur ini akan menetas. Penjagaan seperti ini lebih baik bagi menjaga habitat penyu berkenaan.

"Selepas ia menetas, penyu ini akan dilepaskan pada waktu malam kerana pada waktu siang terdapat ancaman haiwan seperti burung gagak.

"Kadangkala terdapat 1,000 ekor penyu yang dilepaskan, namun hanya seekor yang hidup. Bagi mengelakkan ia pupus, atau mendapat ancaman, pusat ini akan menetas telur penyu dalam usaha memulihara habitat haiwan itu," katanya.

Hishamudin menambah, di negeri ini, penyu mendarat pada bulan Jun hingga November dan penyu yang sama akan mendarat semula dalam tempoh 40 hari di lokasi yang berdekatan.



HISHAMUDIN (kanan) memasukkan telur penyu untuk ditetas ketika ditemui di Pusat Penetasan Telur Penyu, Glory Beach Resort, Port Dickson semalam. - MOHD SHAHJAHAN MAAMIN

Penternak babi diarah bina parit dalam dua minggu

SEBERANG PERAI – Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) memberi tempoh dua minggu kepada penternak babi di sebuah ladang penternakan di Kampung Jawi, Nibong Tebal, di sini membina parit bagi menyelesaikan masalah yang dihadapi penduduk.

Datuk Bandar MBSP, Datuk Rozali Mohamad berkata, pihaknya telah melakukan lawatan tapak di ladang berkenaan pada Rabu lalu selepas menerima aduan.

"Kita telah mengarahkan pihak penternak membina parit tanah dengan kedalaman empat kaki (1.22 meter) dan wakil Jabatan Kejuruteraan MBSP hendaklah dijemput semasa kerja-kerja itu dilaksanakan.

"Penternak diberikan tempoh selama dua minggu untuk melaksanakannya," katanya ketika dihubungi semalam.

Kosmo! semalam melaporkan, beberapa penduduk di Kampung Jawi, Nibong Tebal mendakwa kejadian banjir kilat setinggi pa-



ROZALI

ras paha yang melanda perkampungan mereka pada Ogos lalu bercampur najis babi.

Kejadian itu didakwa berlaku selepas kerja naik taraf sebuah ladang ternakan babi yang dipercayal dilakukan tanpa perancangan sistematis sehingga sistem perparitan terjejas.

Menurut seorang penduduk, kebiasaannya banjir kilat hanya pada paras buku lali, namun kejadian berkenaan menyebabkan rumahnya dimasuki air bercampur najis sehingga satu meter.



KERATAN Kosmo! semalam.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
13/10/2021	BERNAMA	ONLINE	

MARDI launches four new products



SERDANG, Oct 12 -- An anti-obesity drink made from terung asam (sour eggplant) and a vegetable-based anti-inflammatory skin cream were among four new products launched by the Malaysian Agricultural Research and Development Institute (MARDI) today.

The terung asam is rich in hydroxycinnamic acid (antioxidant, anti-inflammatory and antimicrobial), the 'maman' (Cleome gynandra)-based cream is also anti-inflammatory while the other two new products are the carbonated young coconut drink and low-calorie coconut ice cream.

The four products were launched by Agriculture and Food Industries Minister, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee and MARDI director-general, Datuk Dr Mohamad Zabawi Abdul Ghani in conjunction with MARDI Innovation Day 2021.

"Hopefully, these products can be commercialised such as the carbonated young coconut drink and low-calorie coconut ice cream, hence indirectly encouraging growing of coconuts in the country," said Ronald.

Meanwhile, Mohamad Zabawi said MARDI was having discussions with interested companies on using its technology to enable them to make and market such products.

MARDI's principal research officer, Dr Zuraida Ab Rahman said the terung asam-based drink, the result of her team's research work, took three years to materialise.

Extracted from the sour fruit, it was developed for managing body or fighting obesity.

"From our research, this product could reduce the feeling of hunger, break down fat and is rich in fibre and could repair damaged intestines.

"The terung asam originates from Sarawak and often used in cooking but when the juice is extracted from the fruit through a certain process, it has a high nutritional value in managing body weight," said Zuraida.

MARDI's Strategic Centre director, Dr Sanimah Simoh said the anti-inflammatory cream created by her team was formulated from the combination of maman vegetable extract and virgin coconut oil for the skin.

"Maman is usually pickled or used in making rendang but our research found it to be rich in natural phytochemical and the product considered safe and potentially anti-inflammatory," she added.

-- BERNAMA



AFIZUL Jamal menunjukkan tanaman sayur-sayuran hidroponik yang diusahakan di halaman rumahnya di Kampung Buang Sayang, Papar, Sabah.

Sayur hidroponik jana pulangan

Oleh **SURAIDAH ROSLAN**

utusannews@mediamulla.com.my

KOTA KINABALU: Halaman belakang rumah yang dahulunya kawasan semak kini mula dipenuhi tanaman sayur-sayuran hidroponik yang membolehkan Afizul Jamal, 36, menjana pendapatan.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Afizul berkata, dia mula mengusahakan tanaman itu pada 2019 dengan sedikit pengetahuan semasa belajar di Institut Pertanian Sabah serta pencarian melalui saluran YouTube mengenai cara penanaman hidroponik.

Tanpa ada tunjuk ajar sesiapa dan peralatan yang dibeli secara dalam talian, ternyata kerja kerasnya itu membuahkan hasil.

Kini, kebun seluas 7,500 kaki persegi miliknya sudah mampu menghasilkan kira-kira 100 kilogram sayur-sayuran setiap minggu.

Pemilik Apy Hidroponik Eco Farm ini juga boleh berbangga kerana menjadi pengusaha sayur-sayuran hidroponik pertama di daerah Papar.

Malah, beliau turut dijemput

agensi-agensi kerajaan untuk berkongsi pengalaman mengusahakan tanaman sayur-sayuran hidroponik di kawasan tanah rendah.

Menurutnya, walaupun berdepan cabaran untuk menyesuaikan keadaan cuaca di tanah rendah bagi tanaman sayur-sayuran terutama salad namun, dia berjaya mengharungi cabaran itu setelah melakukan pelbagai percubaan.

"Apa yang menarik tentang tanaman hidroponik ini, ia tidak melibatkan kos kerugian yang besar apabila tanaman tidak berhasil.

"Biarpun kos untuk memulakan projek agak mahal iaitu kira-kira RM5,000 bagi mendirikan rumah hijau dan sistem perpaipan namun, kos penyelenggaraan dan kerugian tidak besar jika tanaman tidak menjadi mahupun diserang penyakit," katanya.

Jelasnya, selepas setahun mengusahakan tanaman hidroponik itu, dia mula mengambil kursus pertanian dengan agensi kerajaan bagi membolehkannya memohon geran untuk memperluas dan mempelbagaikan lagi jenis sayur-sayuran yang ditanam.

Pada tahun lalu, Afizul berjaya mendapatkan geran Agroprenuer Muda menerusi Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) berjumlah RM20,000.

"Dengan dana itu, saya mula menanam salad (*green coral*) dan juga buah rock melon. Kedua-dua tanaman ini mempunyai nilai pasaran yang baik biarpun mengambil masa yang lama untuk setiap kitaran.

"Bagi rock melon yang berharga RM5 sekilogram di pasaran, saya berjaya mengeluarkan kira-kira 150 kilogram pada bulan Ogos," katanya.

Secara purata, Afizul memperoleh pendapatan kasar kira-kira RM3,500 hingga RM4,000 sebulan menerusi hasil jualan sayur-sayuran hidroponik tersebut.

Katanya, permintaan terhadap sayur-sayuran sangat tinggi dan dia sendiri tidak mampu menampung permin di pasar raya.

Oleh itu, Afizul sudah mula mencari kawasan baharu bagi mengusahakan tanaman cili secara fertigasi bagi mempelbagaikan keluaran hasil tanamannya.

MARDI perlu tubuh pasukan pakar khas

Serdang: Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) perlu menubuhkan satu pasukan pakar khas bagi memperkasa agenda penyelidikan sekuriti makanan negara, terutama selepas negara berdepan pandemik serta gangguan import makanan dari luar.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Khande, berkata penubuhan pasukan khas itu adalah tepat pada masanya kerana usaha mengukuhkan sekuriti makanan negara adalah satu proses berterusan dan dinamik.

"MARDI kini turut menjalankan kajian merangkumi aspek sekuriti makanan negara, namun saranan penubuhan pasukan pakar MARDI ini bertujuan mengukuhkan aspek sekuriti makanan negara melalui penyelidikan.

"Selepas pengalaman dua tahun pandemik COVID-19 dan gangguan import makanan dari luar, kerajaan melalui kementerian ini memberi tumpuan khusus kepada sekuriti makanan negara termasuk dalam Dasar Agro Makanan 2.0

"Kementerian juga kini sedang

dalam pengurusan mewujudkan bahagian sekuriti makanan negara jadi kita ingin lihat penumpuan khusus terhadap penyelidikan aspek itu di MARDI," katanya selepas merasmikan Hari Inovasi MARDI, di Dewan Tan

Sri Yusof Hashim, di sini, semalam.

Yang hadir sama, Ketua Setiausaha Kementerian Merangkap Pengerusi Lembaga Pengelola MARDI, Datuk Haslina Abdul Hamid dan Ketua Pengarah



Ronald melihat produk hasil penyelidikan dan inovasi MARDI selepas merasmikan Hari Inovasi MARDI di Dewan Tan Sri Yusof Hashim, Serdang semalam. (Foto BERNAMA)

MARDI, Datuk Dr Mohamad Zabawi Abdul Ghani.

Terdahulu, Ronald turut melancarkan empat produk inovasi pertanian MARDI iaitu Minuman Berasaskan Terung Asam Kaya dengan Asid Hidroksisamnamik, Produk Krim Antiradang (Cleosafe) Berasaskan Sayuran Maman, Air Kelapa Muda Berkarbonat dan Ais Krim Kelapa Kurang Kalori.

Sementara itu, Mohamad Zabawi berkata, bagi menghadapi cabaran khususnya dalam suasana pandemik, MARDI komited menerapkan pendekatan baharu dalam penyelidikan pertanian dan industri makanan.

MARDI katanya, menyedari pembangunan teknologi sematamata tidak dapat mengubah sektor pertanian secara keseluruhan sebaliknya perlu dipindahkan supaya masyarakat, industri dan negara beroleh faedah.

"Justeru, MARDI ingin mengajak agensi pusat, jabatan serta penyelidik MARDI sendiri untuk bekerjasama dalam memastikan inovasi dan teknologi dihasilkan adalah berimpak dan bermanfaat kepada golongan sasaran," katanya.

PKP beri kesan industri agromakanan

MAFI senarai tujuh cabaran utama sekuriti makanan perlu diberi keutamaan

Oleh MUHAMMAD YUSAINY
MOHAMAD YUNUS

SHAH ALAM

Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) merangkumkan tujuh cabaran utama sekuriti makanan negara yang perlu diberikan keutamaan pada masa kini.

Menterinya, Datuk Seri Dr Ronald Khande berkata, penerapan pandemik Covid-19 dan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) telah memberi kesan kepada agromakanan negara secara langsung dan tidak langsung sehingga mengganggu kelancaran rantaian makanan.

"Antara yang perlu diberi keutamaan ialah peningkatan penduduk dan permintaan makanan; peningkatan kos sara hidup dan harga makanan; kekurangan khasiat makanan dan malnutrisi ber-

ganda dan tahap produktiviti yang rendah, intensif buruh dan populasi petani berusia.

"Selain itu, pelaburan swasta serta pembangunan dan penyelidikan (R&D) yang masih rendah; tahap adaptasi teknologi dan mekanisasi yang rendah; dan perubahan iklim serta ke-mampuan sumber semula jadi," katanya pada majlis perasmian Hari Inovasi Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) 2021 di Serdang pada Selasa.

Majlis turut dihadiri Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Makanan yang juga Pengerusi Lembaga Pengelola MARDI, Datuk Haslina Abdul Hamid dan Ketua Pengarah MARDI, Datuk Dr Mohamad Zabawi Abdul Ghani.

Hari Inovasi MARDI 2021 bermula Selasa sehingga Khamis ini.

Sementara itu, Ronald berkata, MAFI telah merangka Pelan Tindakan Dasar Sekuriti Makanan Negara 2021-2025 (Pelan Tindakan DSMN) bagi meningkatkan daya tahan sistem makanan agar kekal umih dalam menghadapi sebarang tekanan.

"Sehubungan itu, MARDI



Ronah (kanan) dan Haslina memaparkan produk hasil penyelidikan MARDI pada majlis perasmian Hari Inovasi MARDI di Serdang pada Selasa.

perluan dan kesesuaian di sepanjang rantaian nilai sekuriti makanan.

"Kaedah pragmatik seperti sistem pengeluaran lestari dan berkos efektif boleh dijadikan matlamat penting dalam membangunkan model output sebuah aktiviti R&D&C," katanya.

Ronald berkata, sempena dengan Hari Inovasi MARDI 2021, empat produk hasil penyelidikan MARDI dilancarkan iaitu minuman berasaskan terung asam kaya dengan asid hidroksi-sinamik, krim anti radang (CleoSafe) berasaskan sayuran mamam, ais krim kelapa kurang kalori, dan kelapa muda berkarbonat.

"Saya juga amat yakin bahawa keempat-empat produk yang dilancarkan pada hari ini akan mendapat sambutan menggalakan daripada golongan sasaran.

"Ini adalah salah satu kejayaan inovasi hasil penyelidikan MARDI yang ditonjolkan melalui Hari Inovasi MARDI 2021 dan kini bersedia untuk diperkenalkan kepada umum.

"Tabiah saya ucapkan kepada semua penjana teknologi dan ahli pasukannya," ujarnya.

an ternakan serta baka dan benih tempatan yang berkualiti tinggi," ujarnya.

Pada masa sama, beliau berkata, inovasi produk makanan alternatif dan teknologi pertanian yang bertoleransi terhadap perubahan iklim turut diberi tekanan.

Menurutnya, MAFI juga mengharapakan teknologi dan inovasi yang dihasilkan MARDI dapat dipindahkan kepada golongan sasaran mengikut ke-

sebagai sebuah agensi penyelidikan utama di bawah MAFI mempunyai peranan yang sangat penting di dalam pelaksanaan Pelan Tindakan DSMN.

"Di antara strategi yang dirangka di dalam pelan tersebut ialah bagi meningkatkan intensiti penyelidikan, pembangunan dan pengkomersilan (R&D&C) bagi meningkatkan produktiviti agromakanan dengan keutamaan diberikan terhadap pembangunan input pertanian seperti makan-

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/10/2021	SINAR HARIAN	NEGERI TERENGGANU	26

Pembinaan mengambil masa 6 tahun bermula Januari 2022 dapat meminimumkan masalah banjir

Oleh NORHASPIDA YATIM

KUALA TERENGGANU

Pembinaan sungai tiruan bagi meminimumkan masalah banjir yang sering melanda daerah Kemaman akan dimulakan awal Januari 2022.

Exco Kebajikan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Perpaduan Nasional, Hanafiah Mat berkata, fasa pertama projek pembinaan sungai sepanjang lapan kilometer (km) itu bermula dari Paman ke Tasik Bungkus dekat Ibok.

Beliau berkata, keseluruhan projek tersebut menelan belanja RM300 juta dan dijangka mengambil masa selama enam tahun untuk disiapkan.

“Jabatan Alam Sekitar telah pun memberi kelulusan Laporan Impak Alam Sekitar (EIA) projek ini di mana kos dibayai sepenuhnya oleh kerajaan Persekutuan.

“Masalah banjir di sekitar pe-

RM300 juta bina sungai tiruan di Kemaman



Hanafiah (dua dari kiri) meninjau proses penghantaran barangan keperluan kepada mangsa banjir ke Pulau Redang di Jeti LKIM di Kuala Terengganu pada Selasa.

kan Chukai akan dapat diminimumkan selepas projek ini siap,” katanya ketika meninjau proses penghantaran empat tan barangan keperluan ke Pulau Redang di jeti Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) di sini pada Selasa.

Antara kawasan yang sering dilanda banjir di sekitar Chukai ialah Bandar Baru Bukit Mentok, Kampung Pengkalan Pandan dan Kampung Tempurung.

“Pertembungan air dari Sungai Air Putih dan Sungai Cerul di Hulu Kemaman menyebabkan kawasan Chukai banjir setiap kali hujan lebat.

“Keadaan bertambah buruk jika berlaku fenomena air pasang besar dan hujan lebat berterusan dalam tempoh lama,” katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
13/10/2021	SINAR HARIAN	ONLINE	

Pertanian pintar ambil masa



Proses peralihan teknologi moden seperti pertanian pintar tidak dapat dilakukan dengan mendadak tetapi secara berfasa dan berperingkat secara 'soft landing' untuk memberi impak positif kepada golongan sasaran.

KUALA LUMPUR - Proses peralihan teknologi moden seperti pertanian pintar tidak dapat dilakukan dengan mendadak tetapi secara berfasa dan berperingkat secara 'soft landing' untuk memberi impak positif kepada golongan sasaran, Dewan Negara diberitahu

hari ini.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata, pertanian pintar banyak digunakan di kawasan baharu yang memberi kesukaran dalam pertukaran daripada kaedah konvensional kepada moden.

Beliau berkata, bagaimanapun kerajaan akan terus memberi perhatian dalam menyalurkan bantuan serta perkhidmatan terbaik kepada golongan sasaran.

"Oleh itu, bagi memastikan fasa peralihan daripada kaedah pertanian secara konvensional kepada kaedah moden dapat kita laksanakan dengan berkesan dan memenuhi aspirasi kerajaan kerana matlamat kita adalah untuk memberikan perhatian kepada nelayan dan pada masa sama menambah stok makanan kita.

"Dalam RMK12 (Rancangan Malaysia Ke-12), usaha akan ditumpukan kepada mempercepatkan penerimaan penggunaan teknologi moden dalam sektor agromakanan kerana pertanian pintar dikenal pasti sebagai aktiviti strategik dan berimpak tinggi yang dapat menjana semula pertumbuhan ekonomi," katanya dalam sesi soal jawab pada persidangan Dewan Negara di sini pada Selasa.

Beliau menjawab soalan tambahan Senator Datuk Seri S. Vell Paari yang ingin tahu sama ada pihak kementerian bercadang memberi insentif kepada pekebun kecil dan pengusaha ladang untuk bertukar daripada kebun dan ladang konvensional kepada pintar. - Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
13/10/2021	SINAR HARIAN	BISNES	30

Nilai eksport durian berkembang sebanyak RM74.8 juta sejak 2016

KUALA LUMPUR- Nilai eksport durian ke luar negara berkembang sebanyak RM74.8 juta atau 107 peratus dalam tempoh lima tahun sejak 2016, kata Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I Datuk Seri Ahmad Hamzah.

Beliau berkata, sambutan hebat terhadap durian Malaysia menyebabkan nilai eksport durian meningkat saban tahun.

“Nilai eksport durian pada 2016 merekodkan sebanyak RM69.9 juta, RM59 juta pada 2017, RM124.9 juta pada 2018, RM127 juta pada 2019 dan RM144.7 juta pada 2020,” katanya dalam sesi soal jawab pada persidangan Dewan Negara di sini pada Selasa.

Beliau berkata, sehingga September lepas, durian Malaysia berjaya dieksport ke 22

negara dengan lima negara merekodkan eksport tertinggi iaitu Hong Kong, China, Singapura, Amerika Syarikat dan Australia berdasarkan rekod tahun 2020.

“Sebagai negara tertinggi mengimport durian dari Malaysia, Hong Kong menyumbang pertambahan nilai eksport durian iaitu RM57.52 juta atau 634.7 peratus,” katanya.

Ahmad berkata, kerajaan tidak mengenakan sebarang cukai eksport ke atas durian yang dieksport ke luar negara kerana mahu membantu pasaran eksport durian terus kompetitif, berkembang pesat dan berdaya saing dengan durian dari negara lain terutamanya Thailand.

“Pasaran eksport durian Malaysia dijangka terus berkembang lebih pesat pada masa akan datang,” katanya. - *Bernama*



Sambutan hebat terhadap durian Malaysia menyebabkan nilai eksport meningkat.

Oleh **BADRUL
HAFIZAN MAT ISA**
badrulsa@mediamula.com.my

SELAIN industri perhotelan, inap desa yang bergantung kepada kehadiran pelancong dari dalam dan luar negara juga terkesan ekoran penularan pandemik Covid-19. Tidak terkecuali keadaan di Inap Desa Kampung Pachitan, Port Dickson.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, bekas Pengerusi Inap Desa Pachitan, Bunandar Bakat, 65, berkata, situasi itu mendorong dia isteri, Nordin Sadiman, 59, memfokuskan penghasilan madu kelulut.

Bermula sebagai projek peningkatan ekonomi di bawah Program Desa Lestari yang dahulunya terletak di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, lantas kian berkembang lantaran permintaan yang baik daripada pasaran.

"Ia bermula pada 2013 sebagai projek koperasi dan madu kelulut ini dilibat boleh menjaga pendapatan penduduk kampung. Malah ia juga adalah aktiviti tambahan untuk pelancong selain aktiviti kebudayaan dan jamuan makanan yang diadakan ketika itu.

"Waktu itu saya menerima 30 bongkah dan saya dihantar untuk menghadiri kursus di Lenggong, Perak. Pada awalnya saya menghadapi masalah lebah kelulut lari. Perselidikan tidak sesuai dan gangguan serangga dikenalpasti sebagai puncanya," katanya mengimbau kenangan. Namun hari ini dia mampu menghasilkan sekurang-kurangnya empat kilogram madu kelulut sebulan daripada 17 bongkah yang masih diusahakan.

"Alhamdulillah, permintaan sentiasa ada. Malah kadangkala tidak cukup hingga saya perlu mendapatkannya daripada pengusaha lain di kampung ini," katanya.

Madu berkenaan akan diproses dan dibotolkan. Setiap botol dan dijual pada harga RM40 sebotol.

Ladang ternakan itu diusahakan Bunandar dengan isteri. Namun pada masa akan datang dia merancang untuk meningkatkan lagi pengeluaran madu tersebut.

POTENSI

Bunandar menjelaskan, madu kelulut sememangnya berpotensi dikomersialkan.

Keistimewaan madu kelulut inap desa Pachitan



NORDI Sadiman sentiasa memastikan pokok bunga air mata pengantin yang terdapat di persekitaran rumahnya berkembang dan berada dalam keadaan baik kerana merupakan sumber makanan kegemaran buat kelulut.



“

Alhamdulillah, permintaan sentiasa ada. Malah kadangkala tidak cukup hingga saya perlu mendapatkannya daripada pengusaha lain di kampung ini.”

BUNANDAR BAKAT



malah tidak berdepan masalah pemasaran kerana bukan mereka mencari pelanggan, tetapi pelanggan yang datang mencari.

"Kami memang selalu kami kehabisan stok. Justeru saya merancang meningkatkan lagi kuantiti pengeluaran madu ini," katanya yang menjelaskan ada bertemu pihak Jabatan Pertanian dan mereka menyatakan persetujuan membantu menambah bongkah kelulut seperti dihajatkan Bunandar.

BUNANDAR Bakat memungut hasil madu dengan menggunakan mesin penyedut dari bongkah-bongkah kayu yang menjadi sarang lebah kelulut.
- UTUSAN/MOHD. SHAHJEHAN MAAMIN

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
13/10/2021	UTUSAN MALAYSIA	GAYA TANI	27



MADU kelulut memiliki ramal peminat kerana khasiat ditawarkan.



NORDI Sadiman menikmati madu kelulut daripada bongkah kayu yang menjadi sarang kelulut ternakannya.

Rasa madu dipengaruhi jenis makanan

RASA madu kelulut banyak bergantung kepada sumber makanan yang ada di kawasan persekitaran serangga itu.

Nordi Sadiman berkata, madu kelulut hasil bongkah yang terdapat di rumahnya mempunyai rasa pelbagai. Ada rasa manis bercampur rasa sedikit masam dan sedikit pedas.

"Rasa ini bergantung kepada pokok yang menjadi sumber makanan lebah kelulut. Di sini kami ada tanam banyak pokok buah-buahan seperti belimbing dan pokok bunga seperti air mata pengantin yang merupakan madu kegemaran kelulut.

"Ada juga pokok-pokok cili dan kemungkinan itu yang menyebabkan ada rasa pedas sedikit. Apa yang lebih penting, kita perlu sediakan persekitaran yang kondusif supaya kelulut ini aktif dan mendapat sumber makanan mencukupi," katanya.

Jelasnya, pernah suatu ketika, madu dihasilkan mempunyai rasa seperti laici dan ia dipercayai hasil daripada pokok kelapa yang terdapat di kawasan sekitar.

"Semasa pokok kelapa di sini masih rendah, memang madu kelulut rasa seperti laici. Tapi kini jarang sebab pokok kelapa sudah semakin berkurangan,"



Selain itu ada juga pokok-pokok cili dan kemungkinan itu yang menyebabkan ada rasa pedas sedikit."

NORDI SADIMAN

tambahnya.

CUACA

Jelasnya lagi, penghasilan madu kelulut juga banyak bergantung kepada keadaan cuaca iaitu sama ada semasa musim hujan dan panas.

"Sememangnya kalau musim hujan, kelulut kurang menghasilkan madu. Ia tidak keluar bekerja dan hanya akan makan madu yang disimpan dalam bongkah sahaja.

"Sebaliknya jika musim panas. Madu banyak. Kalau pokok bunga pun banyak, maka banyaklah madu dihasilkan lebah kelulut dalam bongkah," katanya.



BUNANDAR Bakat menunjukkan hasil madu kelulut hasil ternakannya.